

# TATAAMALAN PERNIAGAAN

Garis Panduan untuk Kejayaan yang Berterusan

신의 신의 Fiabilité et confiance 信賴與信任 Maaasahan at Mapapagkatiwalaan 信義 Zuverlässigkeit und Vertrauen Reliability and Trust 可靠可信

Kepercayaan dan Keyakinan Fiabilidade e Confiança Niêm tin và dô tin cậy



# ISI KANDUNGAN

Mesej daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif	1	Urus niaga Adil	10
Misi kami	2	Maklumat Persaingan	10
Perutusan Pengerusi	2	Undang-undang Persaingan	10
Kepercayaan dan Keyakinan	2	Kualiti Produk	11
Nilai kami	3	Maklumat Sulit Pelanggan, Pembekal dan lain-lain	11
Integriti	3	Menjalankan perniagaan dalam komuniti kami	12
Kerajinan dan Ketekunan	3	Tanggungjawab Sosial Korporat	12
Kerja berpasukan dan harmoni	3	Undang-undang Anti-rasuah	12
Kreativiti dan peningkatan berterusan	3	Pencegahan Pengubahan Wang Haram	13
Kod dikenakan terhadap semua perkara yang kami lakukan	4	Kawalan Perdagangan	13
Menjalankan perniagaan sesama kami	4	Undang-undang Anti-boikot	14
Menjalankan perniagaan dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pembekal kami	4	Keprihatinan terhadap Alam Sekitar	14
Menjalankan perniagaan dalam komuniti kami	4	Sumbangan Korporat Parti Politik	14
Menjalankan perniagaan dengan mementingkan pemegang saham kami	4	Kontrak Kerajaan A.S.	14
Soalan lazim	5	Menjalankan perniagaan dengan mementingkan pemegang saham kami	15
Mengapakah kita mempunyai tataamalan perniagaan?	5	Mengekalkan rekod yang tepat	15
Siapakah yang dirangkumi dalam kod?	5	Penyimpanan Rekod	15
Apakah tanggungjawab kita?	5	Penyiasatan Dalaman dan Kerajaan	16
Adakah pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan?	5	Aset Fizikal	16
Adakah tataamalan menerangkan semua standard yang saya perlu tahu?	6	Maklumat Sulit dan Proprietari Amkor	16
Ke manakah saya perlu pergi untuk mendapatkan nasihat atau untuk melaporkan pelanggaran yang disyaki?	6	Penggunaan Sumber Elektronik Amkor dengan Sewajarnya	17
Adakah saya akan menerima sebarang tindakan balas akibat melaporkan sesuatu pelanggaran Tataamalan?	7	Komunikasi Awam	17
Adakah penepian tataamalan dibenarkan?	7	Media Sosial	17
Menjalankan perniagaan sesama kami	8	Mengelakkan Konflik Kepentingan	17
Tiada diskriminasi	8	Hadiah dan keraian	18
Gangguan	8	Kepentingan dan pelaburan kewangan	18
Privasi	9	Menjalankan perniagaan dengan keluarga dan rakan	19
Amalan Buruh dan Gaji	9	Menjalankan perniagaan luar	19
Keselamatan dan Kesihatan	9	Perdagangan orang dalam	19
Keganasan di Tempat Kerja	9	Transaksi yang dilarang dalam sekuriti Amkor	20
Alkohol dan Penyalahgunaan Dadah	9	Pindaan	20
Menjalankan perniagaan dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pembekal kami	10	Borang Pensijilan	21
		LAMPIRAN A - Hubungi Talian Integriti Amkor	23
		LAMPIRAN B - Hubungi Sumber Manusia, Jabatan Audit Dalaman atau Jabatan Undang-Undang	24

## MESEJ DARIPADA PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

---

Saya berbesar hati untuk memimpin sebuah syarikat yang mempunyai reputasi kukuh dalam aspek kebolehpercayaan, kepercayaan dan integriti. Kita telah memperoleh serta mengekalkan keyakinan para pelanggan dan pihak berkepentingan selama bertahun-tahun melalui jalinan perkhidmatan yang cemerlang, berteraskan komitmen terhadap amalan perniagaan beretika.

Saya amat teruja dengan apa yang akan dapat dicapai oleh warga kerja dan teknologi kita dalam membantu Amkor dan para pelanggan mencapai pertumbuhan strategik jangka panjang serta ketahanan berterusan. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, setiap daripada kita mesti terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab berterusan untuk menegakkan standard integriti perniagaan tertinggi dalam kerja harian kita.

Kod Tataamalan Perniagaan (Kod) ialah panduan kita tentang cara berkelakuan semasa bekerja di Amkor dan dengan rakan kongsi perniagaan Amkor. Kod ini tidak merangkumi setiap kemungkinan soalan atau topik, tetapi bertujuan membantu kita menghayati nilai-nilai kita, mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada kita, serta memahami cara mengemukakan kebimbangan dan mendapatkan panduan.

Jika kita mempunyai soalan atau kebimbangan, kita bertanggungjawab untuk “bersuara” dan mendapatkan nasihat daripada pengurus, bahagian undang-undang, sumber manusia, audit dalaman, atau Talian Integriti Amkor. Saya juga mengharapkan para pemimpin Amkor sentiasa mempromosikan dan mewujudkan persekitaran di mana para pekerja berasa selesa dan digalakkan untuk berbuat demikian.

Saya meminta setiap ahli pasukan global Amkor untuk meneliti dan memahami Kod ini, dan agar kita semua menggunakan pertimbangan yang baik dalam membuat keputusan. Dengan berbuat demikian, saya yakin bahawa kita akan menjadi satu pasukan global yang kukuh, bersedia untuk fasa seterusnya dalam perjalanan syarikat kita yang mengujakan.

Terima kasih atas komitmen dan dedikasi anda.



A stylized, handwritten signature of Kevin Engel in black ink.

Kevin Engel  
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif  
Amkor Technology, Inc.



## MISI KAMI

Lebih setengah abad yang lalu, datuk dan ayah saya telah menanam benih untuk memulakan industri semikonduktor di Korea. Bersama para pekerja berdedikasi dan rakan-rakan kerjasama di seluruh dunia, mereka membesarkan benih itu menjadi sebuah perusahaan global dan hari ini Amkor merupakan syarikat Outsourced Semiconductor Assembly Test (OSAT) terbesar di dunia yang beribu pejabat di Amerika Syarikat.

Daripada usaha perintis kami dalam perkhidmatan pemasangan dan ujian litar bersepadu secara outsourcing pada tahun 1968, hinggalah kedudukan kami hari ini sebagai rakan pembuatan strategik kepada syarikat semikonduktor, foundri dan pengeluar elektronik terkemuka dunia, komitmen kami terhadap nilai seumur hidup kami iaitu Kebolehpercayaan dan Kepercayaan yang tidak pernah goyah.

Semangat kami yang mendalam serta dedikasi terhadap standard integriti yang tertinggi, rasa hormat dan urus niaga yang adil adalah asas penting dalam sejarah Amkor dan merupakan sebahagian penting daripada "DNA" Amkor di setiap peringkat. Saya menaruh kepercayaan kepada seluruh komuniti Amkor untuk terus memainkan peranan mereka.

Susan Y. Kim  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Amkor Technology, Inc.



# Kepercayaan dan Keyakinan

Aksara Cina ini melambangkan "kepercayaan dan keyakinan" - nilai sepanjang hayat oleh mendiang Pengerusi Kehormat, Hyang-Soo Kim. Ia menggambarkan semangat membara serta dedikasi beliau terhadap piawaian tertinggi integriti, perasaan hormat-menghormati dan urus niaga adil.

Misi Amkor Technology adalah menyediakan khidmat pembuatan yang pantas dan boleh dipercayai dan penyelesaian rantai bekalan yang dikembangkan hasil kerjasama erat dengan pelanggan.

## NILAI KAMI

### **Integriti**

Kami berdedikasi terhadap piawaian tertinggi integriti, hormat-menghormati dan keadilan dalam berurusan. Kami bertindak mengikut prinsip etika perniagaan dan tatacara kelakuan yang terbaik dalam semua tindakan kami, termasuk mematuhi semua keperluan undang-undang yang telah digariskan.

### **Kerajinan dan Ketekunan**

Kami menetapkan matlamat dan mencapainya melalui etika kerja yang teguh dan percaya bahawa kami boleh mengatasi semua halangan. Kami berdisiplin dan mempunyai sikap serta daya usaha yang positif untuk melakukan kerja dengan betul dan cekap.

### **Kerja Berpasukan dan Harmoni**

Kami bekerjasama, di dalam dan merentasi sempadan, untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dan membantu Amkor mencapai kejayaan. Kami menghargai para pekerja kami, menggalakkan pembangunan mereka dan berterima kasih atas prestasi mereka. Kami saling menghormati dengan menunjukkan sikap berbudi bahasa dan rendah diri, serta saling menyokong antara satu sama lain melalui komunikasi terbuka.

### **Kreativiti dan Peningkatan Berterusan**

Kami percaya bahawa idea kreatif boleh mengatasi sebarang cabaran. Kami berusaha untuk bertindak lebih awal terhadap keperluan pelanggan dan pekerja mengikut arus perubahan semasa melalui inovasi dan evolusi yang berterusan.

# TATAAMALAN INI DIGUNAKAN UNTUK SEMUA PERKARA YANG KAMI LAKUKAN

---

## Menjalankan Perniagaan Sesama Kami

- ▶ Kami bekerjasama sesama kami dengan adil, jujur, percaya dan perasaan hormat-menghormati
- ▶ Kami menghargai kekuatan setiap individu
- ▶ Kami berusaha untuk mencipta persekitaran kerja yang selamat dan produktif
- ▶ Kami menjalankan perniagaan kami dengan cara yang bertanggungjawab kepada alam sekitar

## Menjalankan Perniagaan dengan Pelanggan, Rakan Kongsi Perniagaan dan Pembekal Kami

- ▶ Kami memberikan penyelesaian inovatif untuk menepati cabaran daripada pelanggan kami
- ▶ Kami memberikan produk dengan kualiti dan nilai yang tinggi
- ▶ Kami mematuhi amalan perniagaan yang beretika dan sah pada setiap masa
- ▶ Kami melindungi maklumat pihak ketiga yang diamanahkan kepada kami

## Menjalankan Perniagaan dalam Komuniti Kami

- ▶ Kami mematuhi undang-undang global semasa menjalankan perniagaan antarabangsa
- ▶ Kami mematuhi undang-undang tempatan di komuniti tempat kami bekerja
- ▶ Kami berusaha untuk memberikan impak positif kepada komuniti kami.

## Menjalankan Perniagaan dengan Mementingkan Pemegang Saham Kami

- ▶ Kami menyimpan rekod yang lengkap, tepat dan jujur
- ▶ Kami melindungi aset kami dan menggunakannya dengan sewajarnya
- ▶ Kami mengelakkan konflik kepentingan dan perdagangan orang dalam
- ▶ Kami berkomunikasi dalam cara yang jujur dan terbuka



Amkor percaya bahawa kejayaan kami bergantung kepada kemampuan kami untuk melakukan perkara yang betul kepada pembekal, pekerja dan juga dunia ini

## SOALAN LAZIM

### Mengapakah Kita Mempunyai Tataamalan Perniagaan?

Tataamalan Perniagaan (“Tataamalan”) menjadi panduan kita sebagai cara bagaimana untuk kita bertindak semasa bekerja di Amkor. Ia dibuat untuk membantu kita: (1) mengetahui dan melaksanakan nilai kita terhadap tindakan dan keputusan perniagaan kita dan (3) memberikan maklumat tentang cara untuk memaklumkan kebimbangan dan mendapatkan panduan tambahan.

### Siapakah Yang Dirangkumi dalam Kod?

Semua pekerja Amkor perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Tataamalan ini apabila menjalankan perniagaan bagi pihak Amkor. Tataamalan dikenakan kepada semua subsidiari dan gabungan dengan hak mengundi melebihi 50 peratus yang secara langsung atau tidak langsungnya dimiliki oleh Amkor dan tidak mengubah terma dan syarat pekerjaan anda atau mencipta hak kontraktual.

Pekerja yang melibatkan perunding atau bekerja dengan vendor perlu cermat dalam memantau kerja mereka agar perunding atau vendor bertindak dengan cara yang bertepatan dengan prinsip Tataamalan.

### Apakah Tanggungjawab Kita?

Dengan bekerja untuk Amkor, kami telah membuat komitmen untuk menerapkan nilai Amkor. Untuk berbuat demikian, setiap kami mempunyai tanggungjawab untuk:

- ▶ Mengetahui dan mematuhi undang-undang, dasar dan garis panduan yang dikenakan terhadap kerja kami,

tanpa mengira lokasi kami menjalankan perniagaan,

- ▶ Bekerja bersama-sama untuk memastikan kami menghasilkan hasil kerja terbaik kami,
- ▶ Berusaha untuk meningkatkan prestasi, menggalakkan kerja berpasukan dan menyokong yang lain apabila mereka berusaha untuk berkembang dan meningkat,
- ▶ Menyampaikan sebarang salah laku nyata atau yang disyaki kepada penyelia kami, atau, jika sesuai, kepada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Audit Dalam, Jabatan Undang-undang atau Talian Integriti Amkor dan
- ▶ Memperakui penerimaan Tataamalan dan bersetuju untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

### Adakah Pengurus Mempunyai Tanggungjawab Tambahan?

Pengurus di Amkor mempunyai tanggungjawab tambahan menurut Kod. Jika anda adalah Pengurus, anda dijangka untuk:

- ▶ Menggalakkan budaya pematuhan terhadap Tataamalan dan menggalakkan mereka yang perlu membuat laporan kepada anda agar memaklumkan sebarang soalan atau kebimbangan berkaitan dengan kerja dan memberikan bantuan apabila soalan atau kebimbangan tersebut disuarakan,
- ▶ Memantau kepatuhan terhadap Tataamalan ini.
- ▶ Mengetengahkan, jika sesuai, sebarang salah laku nyata atau yang disyaki oleh anda atau dilaporkan kepada anda, dan serta-merta sampaikan dakwaan tersebut kepada Jabatan Undang-undang, dan
- ▶ Melarang tindakan balas terhadap pekerja yang menyuarkan soalan atau kebimbangan dengan jujur.

## Adakah Tataamalan Menerangkan Semua Piawaian yang Saya Perlu Tahu?

Anda mungkin menghadapi situasi yang tidak dirangkumi oleh Kod. Jika anda menghadapi situasi pilihan beretika yang tidak jelas, gunakan pertimbangan yang baik dan tanya soalan bimbingan ini kepada diri anda sebelum bertindak: (1) Adakah ia sah? (2) Adakah ia mematuhi semangat Tataamalan dan dasar kami yang lain? (3) Adakah saya bertindak untuk kepentingan Amkor? (4) Adakah saya selesa jika kelakuan saya dilaporkan dalam surat khabar atau kepada keluarga dan rakan saya? Jika jawapan untuk MANA-MANA soalan ini adalah "tidak", jangan terlibat dalam perbuatan tersebut. Jika anda memerlukan bantuan untuk menjawab soalan ini, dapatkan panduan daripada Pengurus anda, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang atau Talian Integriti Amkor sebelum mengambil sebarang tindakan lain.

Pekerja yang melaksanakan atau mengatur apa-apa perkhidmatan untuk pihak Amkor mungkin tertakluk kepada undang-undang negara yang berlainan, atau, bergantung kepada keadaan, boleh terus tertakluk kepada undang-undang A.S. Setiap kami mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang yang dikenakan di mana-mana tempat kami bekerja untuk Amkor. Pastikan anda mengetahui undang-undang yang dikenakan terhadap anda.

Versi terkini Tataamalan boleh ditemui pada laman internet dan intranet Amkor serta menggambarkan prinsip umum untuk membantu membimbing pekerja membuat keputusan beretika. Ia bukan bertujuan untuk menangani setiap situasi khusus. Oleh itu, tiada apa-apa dalam Kod ini melarang atau menyekat Amkor daripada

mengambil sebarang tindakan disiplin terhadap sebarang perkara yang berkaitan dengan kelakuan pekerja, sama ada ia dibincangkan secara jelas atau sebaliknya dalam Tataamalan ini.

## Ke Manakah Saya Perlu Pergi untuk mendapatkan Nasihat atau untuk Melaporkan Pelanggaran yang Disyaki?

Jika anda mempunyai soalan atau mahu membuat laporan tentang pelanggaran dasar, rekod perniagaan tidak tepat atau sebarang isu etika atau undang-undang yang anda mungkin hadapi di tempat kerja, anda digalakkan untuk berbincang dengan Pengurus anda dahulu. Seringkali, Pengurus anda akan menjadi individu terbaik untuk dirujuk, kerana beliau berkemungkinan mempunyai banyak pengetahuan tentang situasi yang anda hadapi. Jika anda berasa tidak selesa untuk berbicara dengan Pengurus anda, tidak dapat berbuat demikian atau tidak berpuas hati dengan respons yang anda terima, anda boleh hubungi mana-mana pilihan berikut:

- ▶ Talian Integriti Amkor: <http://amkor.com/integritiline> (Lampiran A),
- ▶ Sumber Manusia dalam lokasi Amkor anda (Lampiran B),
- ▶ Jabatan Audit Dalaman di (480-786-7577) atau
- ▶ Jabatan Perundangan: Mark Rogers, 480-786-7601 atau Anne Takher, 480-786-7397.

Talian Integriti Amkor dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas, 24 jam sehari, 7 hari seminggu dari mana-mana lokasi di serata dunia. Hampir semua bahasa disokong oleh perkhidmatan ini, termasuk Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Korea, Tagalog, Jepun, Portugis dan Mandarin.

Semasa menghubungi Talian Integriti Amkor, anda boleh

menyerahkan nama anda atau membuat laporan tanpa nama. Sebaik sahaja laporan dibuat, anda akan menerima arahan tentang cara untuk membuat susulan bagi laporan anda.

Laporan pelanggaran akan disiasat di bawah pengawasan Jabatan Undang-undang atau Jawatankuasa Audit bergantung kepada kes. Semua pekerja dikehendaki untuk memberikan kerjasama sewaktu penyiasatan dijalankan.

## **Adakah saya akan menerima sebarang tindakan balas akibat melaporkan sesuatu pelanggaran Tataamalan?**

Di Amkor, kami tidak akan bertindak balas terhadap sesiapa yang melaporkan tentang adanya kemungkinan pelanggaran atau pelanggaran Tataamalan dengan tujuan yang baik. Sekiranya anda percaya ada pihak yang bertindak balas setelah anda melaporkan kemungkinan pelanggaran atau pelanggaran Kod, sila hubungi Jabatan Undang-undang atau Talian Integriti Amkor.

## **Adakah Penepian Tataamalan Dibenarkan?**

Penepian sebarang peruntukan Tataamalan adalah secara umumnya tidak dibenarkan dan, dalam sebarang keadaan, boleh dibenarkan hanya oleh Lembaga Pengarah secara bertulis dan perlu didedahkan mengikut undang-undang yang berkaitan. Pindaan terhadap Tataamalan ini hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah secara bertulis dan perlu didedahkan mengikut undang-undang yang berkaitan.

# MENJALANKAN PERNIAGAAN SESAMA KAMI

---

## Tiada Diskriminasi

Untuk menggalakkan persekitaran kerja yang positif, kita mesti bekerjasama untuk menghalang tindakan diskriminasi di tempat kerja. Secara umum, diskriminasi berlaku apabila seseorang atau sekumpulan menjadi sasaran kepada pelakuan prejudis berdasarkan ciri-ciri tertentu seperti bangsa, warna, agama, jantina atau identiti jantina, orientasi seksual, umur, negara, keturunan, etnik, status veteran, kehamilan, maklumat genetik, dan kecacatan. Kami tidak membuat keputusan berkaitan pengambilan pekerja berdasarkan perkara ini atau mana-mana ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

## Gangguan

Sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk menggalakkan persekitaran kerja positif, Amkor melarang gangguan di tempat kerja. Gangguan adalah sebarang bentuk kelakuan tidak diingini terhadap individu lain yang mewujudkan, atau bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menimbulkan ketakutan, permusuhan atau menyakitkan hati individu tersebut. Gangguan berdasarkan bangsa, warna, agama, jantina atau identiti jantina, orientasi seksual, umur, negara, keturunan, etnik, status veteran, kehamilan, maklumat genetik, dan kecacatan atau sebaliknya yang dilarang menurut undang-undang yang berkaitan, tidak akan dibiarkan dan dilarang sama sekali. Gangguan terdiri daripada gangguan lisan (kenyataan menghina, mencemarkan nama baik, memberi gelaran), gangguan fizikal (serangan, gangguan fizikal), gangguan visual (kartun, lukisan, siaran, e-mel) dan innuendo.

Gangguan seksual adalah bentuk gangguan yang mengandungi cubaan berbaur seksual yang tidak diingini, permintaan untuk balasan seksual atau kelakuan bersifat seksual dalam bentuk visual, lisan atau fizikal yang:

- ▶ Dijadikan terma atau syarat pekerjaan,
- ▶ Digunakan sebagai asas keputusan pengambilan bekerja atau kenaikan pangkat atau
- ▶ Mempunyai tujuan atau kesan gangguan tidak munasabah dengan kerja atau mencipta persekitaran kerja yang menimbulkan ketakutan, permusuhan atau menyakitkan hati.

## Privasi

Hubungan kami dengan para pekerja kami dibina berdasarkan nilai saling mempercayai dan rasa hormat-menghormati. Untuk mengekalkan hubungan ini, kami perlu menjalankan tanggungjawab kami untuk menyimpan maklumat peribadi pekerja daripada didedahkan secara tidak wajar. Maklumat ini boleh mengandungi item seperti: (1) rekod kakitangan, (2) rekod perubatan, (3) maklumat akaun bank, (4) nombor pengenalan yang dikeluarkan kerajaan, (5) alamat kediaman dan (6) nombor telefon. Kami perlu mengakses maklumat peribadi hanya apabila dibenarkan untuk berbuat demikian sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kerja kami dan berkongsiannya hanya dengan mereka yang mempunyai keperluan perniagaan sah untuk mengetahui maklumat tersebut dan dalam lingkungan undang-undang yang berkaitan.

## Amalan Buruh dan Gaji

Amkor tidak menggunakan atau membenarkan penggunaan buruh hamba, pemerdagangan manusia, perlakuan eksploitatif terhadap pekerja atau keadaan kerja yang tidak selamat. Amkor mematuhi undang-undang buruh yang terpakai, termasuk undang-undang gaji dan jam kerja, dan menyokong rakan kongsi perniagaan yang melakukan perkara yang sama.

Amkor mematuhi Tatakelakuan RBA mengenai amalan buruh dan gaji. Ia boleh diakses di sini: <https://www.responsiblebusiness.org/code-of-conduct/>.

## Keselamatan dan Kesihatan

Di Amkor, kesihatan dan keselamatan tempat kerja adalah sangat penting. Dengan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat, kami boleh menunaikan janji terhadap

sesama kami, pelanggan kami, pemegang saham kami serta orang awam. Oleh itu, anda perlu: (1) mematuhi undang-undang, peraturan berkaitan keselamatan dan dasar serta garis panduan keselamatan Amkor yang ada di kemudahan kami, dan, (2) segera laporkan kepada Pengurus anda tentang sebarang kejadian yang mungkin menggugat keselamatan tempat kerja.

## Keganasan di Tempat Kerja

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menggalakkan tempat kerja yang selamat dan terjamin, kami perlu bekerja bersama-sama untuk mengekalkan persekitaran kerja tanpa keganasan. Amkor melarang sebarang tindakan atau ancaman keganasan di tempat kerja. Laporkan sebarang kejadian keganasan nyata atau ancaman keganasan kepada Pengurus anda dengan serta-merta. Jika anda percaya ada seseorang dalam bahaya, hubungi 911 (dalam Amerika Syarikat) atau badan berkuasa tempatan (luar dari Amerika Syarikat) dengan segera.

## Alkohol dan Penyalahgunaan Dadah

Komitmen kami terhadap Amkor memerlukan pemikiran yang jelas dan keupayaan untuk bertindak balas dengan cepat — keselamatan para pekerja dan komuniti di tempat kami bekerja bergantung kepadanya. Menyalahgunakan alkohol atau dadah atau menggunakan ubat-ubatan secara tidak wajar mengurangkan keupayaan pekerja untuk memberikan usaha terbaiknya. Penggunaan, penjualan, pembelian, pengedaran, pemilikan atau kehadiran bahan terkawal yang tidak dibenarkan seperti dadah - semasa berada di premis Amkor atau perniagaan Amkor atau semasa waktu bekerja - adalah dilarang sama sekali. Begitu juga dengan penyalahgunaan atau salah guna walaupun ubat-ubatan atau alkohol yang sah semasa berada di premis Amkor atau perniagaan Amkor, atau semasa waktu bekerja, adalah dilarang sama sekali.

# MENJALANKAN PERNIAGAAN DENGAN PELANGGAN, RAKAN KONGSI PERNIAGAAN DAN PEMBEKAL KAMI

---

## Urus Niaga Adil

Kami bersaing berdasarkan kualiti produk dan perkhidmatan kami, dan bukannya melalui amalan yang tidak adil atau mengelirukan. Kami beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan melayan pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pembekal kami dengan rasa integriti dan hormat. Secara etikanya kami berunding dan membida untuk kontrak dan tidak mengambil jalan singkat atau menggunakan kaedah penipuan atau menyalahi undang-undang. Apabila terlibat dalam aktiviti pemasaran, pengiklanan dan promosi kami tidak: (1) memberi gambaran salah tentang produk atau perkhidmatan kami, (2) membuat perbandingan tidak adil antara produk atau perkhidmatan kami dengan produk atau perkhidmatan pesaing kami atau (3) merendahkan produk atau perkhidmatan pesaing kami.

## Maklumat Persaingan

Kami mengumpulkan maklumat tentang pesaing kami dengan cara yang sah dan beretika. Ini bermakna, anda tidak boleh meminta rakan sekerja atau pihak luar untuk mendedahkan maklumat tentang bekas pekerja, pelanggan atau rakan kongsi perniagaan jika dengan melakukannya akan menyebabkan mereka melanggar undang-undang atau perjanjian yang sah. Sebaliknya, jika anda mendapati maklumat sulit tentang pesaing yang mungkin telah didedahkan secara tidak sengaja kepada anda atau orang lain di Amkor, jangan dedahkannya kepada orang lain dan dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang.

## Undang-undang Persaingan

Undang-undang telah digubal di banyak negara untuk menggalakkan persaingan dan perusahaan bebas. Undang-undang ini, dikenali sebagai undang-undang persaingan, dicipta untuk mengelakkan aktiviti yang menyekat perdagangan, dan untuk menggalakkan prinsip pasaran bebas yang menampung pasaran global kita. Semua pekerja Amkor, dan terutamanya mereka yang mempunyai kerja melibatkan pemasaran, penjualan, pembelian atau kontrak, perlu biasa dengan undang-undang dan peraturan persaingan yang dikenakan terhadap tugas kerja mereka. Kami komited untuk bersaing secara bersungguh-sungguh namun secara adil untuk mendapatkan pembekal dan pelanggan. Secara umum, kami tidak boleh sesekali membuat perjanjian rasmi atau tidak rasmi dengan pesaing, pembekal, pengedar atau kontraktor yang menyekat perdagangan atau persaingan. Contohnya, kami tidak boleh lakukan mana-mana yang berikut dengan mana-mana pesaing: (1) membincangkan atau menyampaikan maklumat berkaitan harga atau sebarang terma yang menjejaskan penentuan harga atau tahap pengeluaran, (2) menyekat atau menetapkan harga, (3) memboikot pelanggan atau pembekal lain, (4) memperuntukkan atau membahagikan produk, wilayah, pasaran atau pelanggan atau (5) menghadkan atau mengurangkan pengeluaran.

Pelanggaran undang-undang persaingan boleh menyebabkan pertuduhan jenayah terhadap perbadanan atau pun individu, dan ia adalah penting agar anda merujuk kepada Jabatan Undang-undang jika anda terlibat atau mendapati sebarang aktiviti yang boleh menimbulkan isu persaingan.

## Kualiti Produk

Kami membina reputasi kami melalui produk, ahli dan perkhidmatan yang berkualiti. Oleh itu, penting agar setiap produk yang kami hasilkan dan setiap perkhidmatan yang kami berikan menepati atau melebihi standard kawalan kualiti kami. Ini diperlukan agar kami: (1) menghasilkan produk kami dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, dan (2) berusaha untuk memenuhi standard kualiti apabila membangunkan, menghasilkan, menyampaikan dan menyokong produk kami. Maklumkan Pengurus anda: (1) tentang sebarang situasi yang anda tahu atau mengesyaki piawaian kawalan kualitinya yang tidak ditepati atau (2) jika anda mempunyai idea untuk meningkatkan kualiti atau kecekapan bagi mana-mana produk atau proses kami.



Reka bentuk, pembangunan dan kelayakan yang berjaya



Memberikan produk dan perkhidmatan yang kecacatan sifar kepada pelanggan kami



Peraksanaan yang sempurna kepada seluruh organisasi dan tugas kerja

## Maklumat Sulit Pelanggan, Pembekal dan Lain-lain

Sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi tanggungjawab kerja kami, kebanyakan daripada kami akan memperoleh maklumat sulit tentang pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pembekal kami dan pihak lain. Kami mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit ini dan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Kami juga perlu mematuhi terma bagi sebarang obligasi kontraktual yang dikenakan oleh hubungan kami dengan individu atau kumpulan ini, termasuklah sebarang perjanjian ketakdedahan yang kami telah tandatangani dan sebarang klausa kerahsiaan dalam kontrak Amkor. Untuk memastikan bahawa kami menguruskan maklumat sulit pihak ketiga dengan betul, kami perlu berhati-hati agar tidak sesekali:

- ▶ Berkongsi maklumat sulit daripada pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan lain, dengan mana-mana pihak ketiga atau dengan mana-mana pekerja Amkor lain yang tidak mempunyai sebab perniagaan untuk mengetahui maklumat tersebut,
- ▶ Berkongsi maklumat sulit bekas pekerja anda dengan sesiapa sahaja di Amkor atau di luar Amkor,
- ▶ Menggunakan maklumat sulit pihak ketiga yang secara tidak sengaja didedahkan kepada kami,
- ▶ Menggunakan maklumat sulit pihak ketiga untuk kegunaan peribadi atau keuntungan peribadi, termasuklah untuk manfaat rakan atau keluarga, atau untuk sebarang tujuan selain daripada tujuan perniagaan yang sah, atau
- ▶ Memuat turun perisian tidak berlesen ke dalam komputer Amkor, atau menggunakan dokumen atau bahan salinan yang dilindungi hak cipta tanpa kebenaran khusus daripada pemilik hak cipta.

# MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM KOMUNITI KAMI

---

## Tanggungjawab Sosial Korporat

Di Amkor, kami memandang serius tentang tanggungjawab dan kewajiban apabila menjadi syarikat global. Kami komited untuk memenuhi tanggungjawab dan kewajiban ini dalam komuniti di tempat kami tinggal dan di tempat kami menjalankan perniagaan dan kami berusaha untuk memberi impak positif terhadap masyarakat melalui aktiviti kami dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pembekal dan pemegang saham.

Untuk itu, Amkor adalah ahli Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA) yang dahulunya dikenali sebagai Gabungan Kerakyatan Industri Elektronik (EICC), yang ditubuhkan untuk meningkatkan keadaan sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam rangkaian bekalan elektronik global melalui penggunaan tatakelakuan yang seragam. Tataamalan RBA memberikan garis panduan tentang prestasi dan pematuhan dengan dasar tanggungjawab sosial korporat yang penting dalam bidang buruh, kesihatan dan keselamatan, alam sekitar, sistem pengurusan dan etika, yang menjadi komitmen Amkor sebagai ahli RBA. Tataamalan RBA boleh diakses di: <https://www.responsiblebusiness.org/code-of-conduct/>.

## Undang-undang Anti-rasuah

Kami tertakluk kepada pelbagai undang-undang antirasuah di semua tempat kami menjalankan perniagaan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat (FCPA). Kesemua undang-undang antirasuah ini digubal untuk mencegah rasuah dan amalan sogokan lain serta menggalakkan integriti dan akauntabiliti dalam perolehan awam dan transaksi komersial.

Amkor melarang keras semua bentuk rasuah dan sogokan oleh

kakitangannya dan rakan niaga pihak ketiganya. Kakitangan dan rakan niaga kami dilarang sama sekali, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, untuk menawarkan, menjanjikan, menerima atau memudah cara rasuah atau sogokan atau melibatkan diri dalam aktiviti sogokan lain yang bertujuan untuk mempengaruhi penerima secara tidak wajar dalam proses membuat keputusan dan/atau memastikan kelebihan yang tidak wajar. Rasuah dan sogokan boleh terdiri daripada pelbagai cara, termasuk wang, hadiah, hiburan, pertolongan, derma gratuit atau manfaat lain.

Meskipun larangan ini dikenakan pada interaksi dengan sektor awam dan sektor swasta, kami lebih berhati-hati apabila berinteraksi dengan entiti kerajaan atau pegawai kerajaan. "Kerajaan" ditakrifkan secara umum dan merangkumi sebarang jabatan, agensi, pejabat atau instrumen kerajaan pada sebarang peringkat, termasuk syarikat milik kerajaan atau dikawal kerajaan atau institusi awam, organisasi antarabangsa awam, parti politik atau kerabat diraja.

Jika anda menerima permintaan untuk rasuah atau mendapat tahu tentang adanya aktiviti yang berpotensi mengakibatkan sogokan, hubungi Jabatan Undang-undang dengan segera.

## Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Pencegahan pengubahan wang haram merujuk kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang bertujuan untuk mencegah penjenayah daripada menyembunyikan sumber dana yang diperoleh daripada aktiviti haram dengan menukarnya menjadi sumber yang sah. Amkor melarang penglibatan sengaja dalam transaksi yang menyokong atau memudahkan pengubahan wang haram atau pembiayaan pegganas atau aktiviti jenayah lain. Kami mengurangkan risiko dalam bidang ini dengan melakukan saringan untuk memastikan kami tidak menjalankan perniagaan dengan individu atau entiti yang terdapat dalam senarai sekatan U.S. dan antarabangsa. Kami yang berurusan dengan transaksi yang melibatkan pembayaran yang dibuat kepada atau

dari Amkor mesti mendapatkan maklumat yang mencukupi mengenai aktiviti perniagaan dan transaksi yang berkaitan. Setiap pekerja Amkor bertanggungjawab, di mana jua, untuk kekal berwaspada dan melaporkan syak wasangka berkaitan perubahan wang haram tepat pada masanya.

## Kawalan Perdagangan

Amkor komited sepenuhnya terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan import dan eksport semua negara di mana kita menjalankan perniagaan. Ini termasuk Peraturan Pentadbiran Eksport Jabatan A.S. (EAR), peraturan Jabatan Perbendaharaan Kawalan Aset Asing A.S (OFAC), dan Jabatan Trafik Antarabangsa dalam Peraturan Senjata A.S. (ITAR). Setiap pekerja Amkor, di mana sahaja berada, akan mematuhi komitmen ini, dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan Amkor tidak melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan perdagangan global. Mereka yang selalu berurusan dengan eksport, import dan kastam mesti tahu dan tekun mengikuti kawalan perdagangan yang mengawal urus niaga perdagangan antarabangsa termasuk sekatan perdagangan dan ekonomi yang dikendalikan oleh OFAC.

Adalah penting untuk memastikan bahawa kawalan perdagangan tidak hanya digunakan untuk barangan fizikal. Ini juga termasuk pemindahan teknologi dan data teknikal, perisian, maklumat, penyelidikan, dan harta intelektual lain yang kita bertukar maklumat dengan pelanggan dan pembekal kami. Pemindahan dan pertukaran sedemikian mungkin berlaku dalam pelbagai cara, termasuk e-mel, telefon, faks, perbincangan secara bersemuka, pemindahan elektronik atau akses kepada kemudahan Amkor atau sistem komputer.

## Undang-undang Anti-boikot

Amkor perlu melaporkan kepada kerajaan Amerika Syarikat tentang sebarang permintaan berkaitan boikot asing yang "tidak diluluskan" atau amalan perdagangan terbatas yang berkaitan. "Tidak diluluskan" bermakna jika negara yang merupakan tempat kami menjalankan perniagaan menyedari boikot yang tidak dibenarkan oleh Amerika Syarikat, kami tidak boleh menyertainya atau bekerjasama dengan boikot tersebut. Pekerja tidak boleh mengambil sebarang tindakan, atau membuat sebarang pengisytiharan yang boleh dianggap sebagai penglibatan dalam boikot asing yang tidak sah ini. Jika anda menerima permintaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan boikot, secara lisan atau bertulis, segera hubungi Jabatan Undang-undang.

## Keprihatinan terhadap Alam Sekitar

Semasa menjalankan aktiviti perniagaan, kami berusaha untuk meminimumkan sebarang kesan buruk terhadap alam sekitar. Kami adalah penjaga alam sekitar yang terhormat dan bertanggungjawab, oleh itu kami perlu: (1) mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan, (2) berusaha untuk meminimumkan bahaya alam sekitar melalui penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan bahan sisa berbahaya dengan betul dan (3) mendapatkan dan mengekalkan permit dan kelulusan alam sekitar yang diperlukan untuk pelaksanaan operasi kami, dan pengendalian, penyimpanan dan pelupusan bahan terkawal dengan betul, termasuklah sisa berbahaya dan (4) penyerahan laporan yang diperlukan tepat pada masanya dan tepat berkenaan pengawasan alam sekitar atau kemungkinan pelanggaran kepada agensi kerajaan yang sewajarnya.

## Sumbangan Politik Korporat

Syarikat tertakluk kepada undang-undang ketat berkenaan aktiviti politik mengikut undang-undang persekutuan, negeri dan bandar A.S. serta undang-undang negara lain. Hanya pekerja Amkor yang secara khususnya dibenarkan untuk membuat demikian dan jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan boleh membuat sumbangan politik (sama ada secara tunai atau dalam bentuk hadiah) bagi pihak Amkor, hanya engan kelulusan Jabatan Undang-undang. Kami tidak membuat sumbangan dengan harapan untuk mempengaruhi tugas kerajaan. Anda bebas untuk melaksanakan hak membuat sumbangan politik peribadi dalam had undang-undang, tetapi pembayaran balik sumbangan politik peribadi anda adalah dilarang.

## Kontrak Kerajaan A.S.

Syarikat yang memeterai kontrak produk atau perkhidmatan dengan Kerajaan A.S., atau menerima geran atau anugerah Kerajaan A.S., adalah tertakluk pada peraturan khas dan keperluan perolehan dan prestasi yang khusus. Apabila menyertai program Kerajaan A.S., sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung melalui kontraktor kerajaan, Amkor komited untuk mematuhi peraturan dan standard yang berkenaan. Penting bagi kakitangan yang terlibat dalam kesemua program ini untuk memahami sebarang keperluan khusus dan mendapatkan panduan daripada Jabatan Undang-undang.

---

Amkor mengiktiraf kepentingan kritikal persekitaran yang sihat untuk masyarakat global, ekonomi, perniagaan dan pekerja kita.

---



# MENJALANKAN PERNIAGAAN DENGAN MEMENTINGKAN PEMEGANG SAHAM KAMI

---

## Mengekalkan Rekod yang Tepat

Kredibiliti Amkor dan pematuhan terhadap undang-undang memerlukan pendedahan yang lengkap, adil, tepat dan menepati masa dalam laporan dan dokumen, bergantung kepada integriti rekod yang menyampaikan maklumat berkaitan syarikat. Rekod yang kami buat dan serahkan sebagai sebahagian daripada tugas kerja harian kami - termasuklah rekod pengeluaran, kontrak, pesanan belian, invois, rekod masa dan laporan perbelanjaan - mungkin mempunyai impak terhadap maklumat kewangan yang Amkor dedahkan kepada orang ramai. Kami mengharapkan pemegang saham dan pelanggan kami untuk memastikan agar maklumat kami adalah tepat, menepati masa, lengkap, adil dan boleh diaudit. Ini memastikan bahawa kami menyampaikan paparan keadaan kewangan Amkor yang tepat, hasil daripada operasi kami. Kami tidak menyokong atau membenarkan tindakan menyediakan rekod yang palsu dalam sebarang keadaan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menjalankan perniagaan dengan penuh integriti, kami perlu memainkan peranan kami bagi memastikan akaun dan rekod kewangan Amkor dikendalikan secara wajar mengikut semua undang-undang, keperluan perakaunan luaran, dasar Amkor dan prosedur kawalan dalaman. Contohnya:

- ▶ Bergantung kepada jawatan anda, anda mungkin dipanggil untuk memberikan maklumat bagi meyakinkan bahawa laporan kewangan Amkor adalah tepat dan memenuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan perakaunan.
- ▶ Semua pekerja dengan tugas penyeliaan perlu membuat dan melaksanakan kawalan perakaunan dalaman yang sewajarnya untuk semua bidang tanggungjawab mereka bagi menjaga aset Amkor dan ketepatan rekod serta laporan kewangannya.

- ▶ Semua pekerja diharapkan untuk mematuhi prosedur dan amalan Amkor untuk mengekalkan kawalan terhadap urusan kewangan menurut kehendak dan keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan untuk memberikan maklumat segera dan tepat yang berkaitan dengan keperluan pendedahan

Kami menggunakan khidmat juruaudit bagi memastikan cara kami menjalankan perniagaan dan menyimpan rekod adalah selaras dengan undang-undang berkenaan dan standard perakaunan. Kami perlu bekerjasama dengan juruaudit dan memastikan bahawa semua orang yang bertindak mengikut arahan kami turut bekerjasama dengan juruaudit. Tiada orang di Amkor yang akan mengambil sebarang tindakan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mempengaruhi secara penipuan, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan juruaudit luar atau dalaman Amkor. Pelanggaran peruntukan ini boleh menyebabkan pesalah tertakluk kepada hukuman sivil dan jenayah yang berat dan boleh dikenakan tindakan pemberhentian kerja.

## Penyimpanan Rekod

Penyimpanan rekod adalah bahagian penting dalam komitmen kami terhadap pemegang saham kami. Kami perlu menyimpan bukti urus niaga perniagaan Amkor yang sewajarnya bagi mematuhi undang-undang dan peraturan serta untuk memenuhi keperluan perniagaan dan operasi kami. Kami perlu: (1) mematuhi sebarang arahan undang-undang yang disampaikan oleh Jabatan Undang-undang dan (2) menyedari bahawa ia adalah satu kesalahan untuk secara sengaja memusnahkan rekod yang merupakan sebahagian daripada penyiasatan, audit atau litigasi yang dijangka atau yang telah dimulakan.

## Penyiasatan Dalaman dan Kerajaan

Dari semasa ke semasa, Amkor menjalankan penyiasatan dalaman terhadap isu etika dan pematuhan. Kami perlu bekerjasama dan memberikan maklumat lengkap dan tepat yang berkaitan dengan siasatan. Selain itu, kami diharapkan untuk bekerjasama sepenuhnya dalam mana-mana siasatan kerajaan. Jika anda menyedari tentang kemungkinan sepina, penyiasatan atau pertanyaan oleh kerajaan, segera maklumkan Jabatan Undang-undang. Selagi anda belum berbincang dengan Jabatan Undang-undang, jangan bincangkannya dengan orang lain di dalam atau di luar Amkor. Harap maklum bahawa dalam sesetengah keadaan, kerajaan mungkin menganggap pendedahan tersebut sebagai menghalang penyiasatannya. Serahkan sebarang sepina atau permintaan bertulis untuk mendapatkan maklumat kepada Jabatan Undang-undang sebelum membuat atau menjanjikan sebarang tindakan.

## Aset Fizikal

Dengan bekerja untuk Amkor, anda telah membuat komitmen untuk mengendalikan dan mengekalkan aset fizikal secara wajar, termasuklah peralatan, bahan dan kemudahan. Untuk memenuhi komitmen ini anda perlu menggunakan pertimbangan yang sewajarnya agar aset Amkor tidak disalahgunakan atau dibazirkan. Penggunaan harta Amkor secara cuai, tidak cekap atau menyalahi undang-undang akan menjejaskan kami semua.

## Maklumat Sulit dan Proprietari Amkor

Kebanyakan kami mempunyai akses kepada maklumat sulit atau proprietari Amkor. Secara umumnya, maklumat

sulit dan proprietari adalah maklumat bukan umum dan boleh menjejaskan kelebihan persaingan Amkor jika ia didedahkan kepada pesaing kami atau kepada orang ramai. Berikut adalah beberapa contoh maklumat sulit atau proprietari:

- ▶ Data kewangan yang tidak diterbitkan, termasuk angka jualan dan keuntungan,
- ▶ Penentuan harga produk,
- ▶ Harta intelektual, seperti ciptaan, hak cipta, reka bentuk dan paten produk dan
- ▶ Rancangan penyelidikan dan pembangunan produk.

Kami tidak boleh sesekali berkongsi sebarang bentuk maklumat sulit atau proprietari dengan mana-mana individu yang tidak mempunyai sebab perniagaan untuk mengetahui maklumat tersebut, sama ada di dalam atau di luar Amkor. Kami perlu berhati-hati apabila membincangkan maklumat sensitif di tempat awam dan mengikuti semua langkah keselamatan dan prosedur kawalan dalaman untuk penggunaan dan penyimpanan maklumat Amkor. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam peruntukan atau Tataamalan ini mengenai perkara kerahsiaan akan menghalang anda atau mana-mana pekerja Amkor daripada melaporkan pelanggaran kepada pihak berkuasa kerajaan, atau membuat pendedahan lain, yang dilindungi di bawah peruntukan pemberi maklumat undang-undang yang berkenaan

Amkor akan mengekalkan pemilikan sebarang maklumat sulit atau proprietari yang anda mungkin perolehi, bangukan atau rangkakan sebagai hasil kerja yang dilakukan bagi pihak Amkor. Kewajipan anda untuk melindungi maklumat ini berterusan selepas anda tidak lagi bekerja untuk Amkor.

## Penggunaan Sumber Elektronik Amkor Dengan Sewajarnya

Kebanyakan kami menggunakan sumber elektronik Amkor - seperti perkakas, perisian, komputer, telefon, peranti mudah alih dan sistem maklumat - untuk kerja harian kami. Anda perlu menggunakan sumber elektronik yang Amkor sediakan kepada anda dalam cara yang terpuji dan beretika. Oleh itu, anda perlu:

- ▶ Gunakan komputer Amkor secara bertanggungjawab untuk tujuan perniagaan Amkor, memastikan bahawa sebarang penggunaan peribadi adalah munasabah dan secara minimum,
- ▶ Lindungi lencana pengenalan keselamatan, kad akses, kata laluan, telefon bimbit, komputer peribadi dan sistem teknologi maklumat dan
- ▶ Laksanakan langkah cermat semasa membuat draf mesej elektronik.

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, Amkor mungkin memantau penggunaan sumber elektronik anda untuk memastikan bahawa ia digunakan dengan betul. Anda tidak sepatutnya menjangkakan privasi dalam sebarang mesej elektronik yang didraf atau dipancarkan melalui sistem elektronik Amkor. Selain itu, Amkor mempunyai hak untuk menyekat akses ke laman internet berbahaya, tidak sah dan tidak berkaitan dengan perniagaan dan untuk memintas sebarang mesej atau fail yang dipancarkan atau disimpan dalam sistemnya yang dianggap sebagai tidak sesuai, selagi undang-undang tempatan membenarkannya.

## Komunikasi Awam

Reputasi Amkor adalah aset yang bernilai dan kami semua bertanggungjawab untuk melindunginya. Untuk

mengekalkan reputasi ini, kami perlu memastikan komunikasi awam kami adalah tepat dan konsisten. Ini bermakna: (1) hanya jurucakap yang ditentukan boleh bercakap bagi pihak Amkor, (2) anda tidak boleh memberi respons terhadap sebarang permintaan daripada media, pelabur atau penganalisis atau pun pihak luar lain dan (3) anda tidak boleh menyiarkan maklumat tentang Amkor atau merujukkannya kepada Amkor dalam sebarang forum umum, termasuklah Internet. Jika anda menerima sebarang pertanyaan atau permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada media, pelabur atau pihak luar lain, anda perlu rujukkan pertanyaan atau permintaan kepada Komunikasi Korporat, (480-786-7594).público, incluindo a Internet.

## Media Sosial

Dalam media sosial, garis antara awam dan peribadi, dan peribadi dan profesional adalah kabur. Dengan mengenal pasti diri anda sebagai pekerja Amkor, anda mewujudkan persepsi tentang profesionalisme anda dan tentang Amkor dengan pemegang saham, pelanggan dan orang awam yang boleh mempengaruhi reputasi dan kepentingan perniagaan Amkor. Ambil langkah berjaga-jaga tambahan semasa menyediakan komunikasi dalam talian dan pertimbangkan cara ia mencerminkan Amkor.

## Mengelakkan Konflik Kepentingan

Di Amkor, kami bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat bersama kami. Oleh itu, keputusan perniagaan kami perlu dibuat untuk kepentingan Amkor dan bukannya berdasarkan kepentingan peribadi kami atau kepentingan luar. Untuk memastikan kami bertindak bagi kepentingan Amkor dan untuk mengekalkan kredibiliti kami di mata pelanggan dan pemegang saham kami, kami perlu mengelakkan konflik kepentingan. "Konflik

kepentingan” berlaku apabila kepentingan peribadi kami atau ahli keluarga atau teman rapat mengganggu, atau kelihatan seperti, mengganggu, atau memberi kesan buruk terhadap kepentingan Amkor. Percanggahan tersebut boleh menghalang kami daripada membuat keputusan perniagaan yang baik, objektif dan setia bagi pihak Amkor.

Walaupun ia mungkin tidak praktikal untuk menyenaraikan setiap situasi yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan, Tataamalan kami menetapkan garis panduan untuk cabaran yang biasa kami hadapi yang memerlukan kami agar mendedahkan semua konflik kepentingan nyata atau berkemungkinan kepada Pengurus kami dan Jabatan Sumber Manusia.

## Hadiah dan Keraian

Dasar dan amalan Amkor menggalakkan penggunaan pertimbangan yang baik, budi bicara dan kesederhanaan semasa memberi atau menerima hadiah atau keraian dalam persekitaran perniagaan. Kami diharapkan untuk membuat keputusan perniagaan atas sebab perniagaan dan bukannya kerana kami telah menerima manfaat peribadi. Kami tidak boleh menerima sebarang hadiah, perkhidmatan peribadi atau bantuan daripada mana-mana individu atau perniagaan yang menjalankan perniagaan dengan Amkor jika penerimaan kami mewujudkan keadaan tidak wajar. Menerima sebarang hadiah yang melebihi nilai nominal atau keraian yang tidak berkaitan dengan tujuan perniagaan atau mempunyai nilai berlebihan boleh kelihatan seperti menjadi cubaan untuk mempengaruhi penerima agar secara tidak wajarnya melebihkan individu, entiti atau hubungan perniagaan tertentu dan oleh itu perlu dielakkan. Amalan memberi hadiah dan keraian mungkin pelbagai dalam budaya yang berbeza-beza; bagaimana pun, sebarang hadiah atau keraian yang diberi atau diterima perlulah mematuhi undang-undang, dan tidak

boleh melanggar dasar Amkor. Kami tidak akan mendapatkan hadiah, keraian atau bantuan dalam sebarang nilai daripada individu atau firma yang mempunyai atau berkemungkinan mempunyai hubungan perniagaan dengan Amkor. Malah kami juga tidak bertindak dalam cara yang boleh meletakkan mana-mana vendor atau pelanggan dalam kedudukan yang membuatkan mereka berasa terhutang budi untuk memberi hadiah, menyediakan keraian atau memberikan bantuan peribadi untuk menjalankan perniagaan atau terus menjalankan perniagaan dengan Amkor.

Peraturan ini dikenakan bukan sahaja terhadap aktiviti pekerja Amkor, tetapi juga terhadap keluarga dan rakan mereka. Contohnya, hadiah yang diterima oleh suami/ isteri, pasangan atau ahli keluarga daripada pembekal atau pelanggan boleh mewujudkan percanggahan kepentingan yang sama jika pekerja secara peribadinya menerima hadiah tersebut.

## Keputusan dan Pelaburan Kewangan

Mempunyai kepentingan atau pelaburan kewangan dalam salah satu pesaing Amkor atau pelanggan, penjual atau pembekal nyata atau yang berkemungkinan (sama ada secara langsung atau melalui pemegang ahli keluarga terdekat atau teman rapat) yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan. Oleh itu, anda mungkin tidak mempunyai kepentingan kewangan langsung atau tidak langsung, dengan kepentingan secukupnya untuk mempengaruhi hasil, dalam pesaing, pelanggan, penjual atau pembekal, jika anda atau orang bawahan anda berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan pesaing, pelanggan, penjual atau pembekal tersebut dalam bidang kerja anda. Keputusan kewangan yang dilarang boleh merangkumi penerimaan pinjaman atau jaminan kewajipan lain, selain daripada pihak ketiga, transaksi tidak telus dalam situasi perniagaan, daripada pesaing, pelanggan, penjual atau pembekal.

Selain itu, terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi, termasuk transaksi terbitan, apabila anda mungkin mendapat manfaat daripada penurunan harga saham Amkor juga mungkin menunjukkan konflik kepentingan. Oleh sebab itu, anda tidak boleh terlibat dalam sebarang transaksi tersebut, termasuk jualan singkat, pertukaran, pertaruhan sebaran atau opsyen jual.

## Menjalankan Perniagaan dengan Keluarga dan Rakan

Ada kalanya, ahli keluarga terdekat dan teman rapat kami mungkin mempunyai kepentingan peribadi dalam salah satu pesaing Amkor, atau pelanggan, penjual atau pembekal nyata atau berkemungkinan. Secara umumnya ini adalah diterima; bagaimana pun, kami perlu berhati-hati untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau ciri konflik kepentingan yang mungkin diakibatkan daripada situasi ini. Kami tidak boleh sesekali mengenakan pengaruh, atau kelihatan seperti mengenakan pengaruh, dalam hubungan perniagaan kami sebagai hasil daripada hubungan peribadi kami. Ini bermakna, kami tidak boleh mencuba untuk mempengaruhi proses membida atau perundingan dalam sebarang cara. Selain itu, jika kami terlibat dalam proses pemilihan pembekal atau sebarang perundingan dengan pelanggan atau rakan dan ahli keluarga kami mempunyai kepentingan peribadi terhadap bakal pembekal atau pelanggan kami, kami perlu segera mendedahkan situasi tersebut kepada Pengurus kami.

## Menjalankan Perniagaan Luar

Kami tidak boleh membawa pekerjaan luar yang mengganggu keupayaan kami untuk melakukan kerja kami atau menghalang kami daripada melaksanakan tugas kami secara objektif, bersaing dengan aktiviti Amkor, menunjukkan tajaan atau sokongan oleh Amkor

terhadap pekerjaan atau organisasi luar atau sebaliknya yang akan memberikan kesan buruk terhadap Amkor. Ini termasuklah berkhidmat sebagai kontraktor, perunding atau pembekal. Laporkan sebarang peluang pekerjaan luar kepada Pengurus yang sepatutnya dan kepada Sumber Manusia untuk penentuan berkaitan kemungkinan konflik kepentingan sebelum menerima jawatan tersebut.

Kami perlu melaksanakan pertimbangan yang baik apabila diminta untuk berkhidmat dalam lembaga pengarah, lembaga penasihat, jawatankuasa atau pegawai organisasi lain, yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan yang nyata atau ketara. Sebelum menerima jawatan dengan organisasi (termasuklah organisasi bukan kerajaan) yang mungkin dalam sebarang cara berkaitan dengan perniagaan anda, anda terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan daripada penyelia anda atau Jabatan Undang-undang.

## Perdagangan Orang Dalam

Melalui kerja kami dengan Amkor, kami mungkin menemui maklumat dalaman yang merupakan maklumat penting dan bukan umum yang kami perolehi tentang Amkor atau syarikat lain. Penggunaan maklumat bukan umum atau "dalaman" tersebut tentang Amkor atau syarikat lain untuk manfaat kewangan anda atau lain bukan sahaja tidak beretika tetapi turut menyalahi undang-undang dan, malahan, mungkin menjadi satu jenayah. Undang-undang Amerika Syarikat dan undang-undang negara lain melarang mana-mana individu yang mempunyai maklumat penting dan bukan umum tentang syarikat daripada memperdagangkan saham atau sekuriti lain syarikat tersebut atau mendedahkan maklumat tersebut atau memberi nasihat berdasarkan maklumat tersebut kepada orang lain yang mungkin berdagang (kadang-kala dipanggil "membocorkan"). Oleh itu, semasa memiliki maklumat penting

dan bukan umum tentang Amkor atau syarikat lain, anda tidak boleh membeli atau menjual sekuriti Amkor atau syarikat tersebut. Anda juga dilarang daripada berkongsi maklumat tersebut dengan ahli keluarga, rakan atau pekerja.

Maklumat adalah “penting” jika pelabur menganggapnya penting dalam membuat keputusan sama ada untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti. Maklumat adalah “bukan umum” jika ia masih belum didedahkan atau diterima oleh orang ramai. Beberapa contoh termasuklah: (1) rancangan untuk memperolehi atau melucutkan hak syarikat lain, (2) merancang pengumuman produk utama, (3) mendedahkan prestasi kewangan, unjuran dan rancangan, termasuklah dividen dan rancangan beli semula sekuriti, (4) merancang untuk membuat pelaburan dalam syarikat lain, (5) pelanggan diutamakan dan (6) merancang untuk menganugerahkan perniagaan kepada pembekal.

Amkor tidak akan bertolak ansur dengan perdagangan orang dalam, yang mungkin termasuk bertindak melalui orang lain atau memberikan maklumat dalaman kepada orang lain untuk penggunaan mereka walaupun jika mereka tidak mendapat manfaat kewangan daripadanya. Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang perkara yang anda boleh atau tidak boleh lakukan dalam bidang ini, anda perlu merujuk kepada Jabatan Undang-undang.

## Transaksi Dilarang dalam Sekuriti Amkor

Pekerja, dan ahli keluarga mereka, tidak boleh terlibat dalam transaksi spekulatif atau lindung nilai, penghasilan wang atau transaksi terbitan lain dalam sekuriti Amkor. Contoh transaksi ini termasuklah menjual sekuriti Amkor yang anda tidak miliki atau jualan singkat, kegagalan untuk melaporkan sekuriti Amkor yang telah anda jual, opsyen jual atau

panggilan, pertukaran, pertaruhan sebaran, kolar, kontrak jualan ke hadapan, memegang sekuriti Amkor dalam akaun margin atau menjanjikan sekuriti Amkor sebagai cagaran untuk pinjaman. Transaksi tersebut boleh mengurangkan insentif anda untuk meningkatkan prestasi Amkor, fokuskan perhatian anda terhadap prestasi jangka masa pendek dengan perbelanjaan objektif jangka masa panjang Amkor, mengehaskan pendedahan anda terhadap seluruh risiko dan ganjaran pemilikan sekuriti Amkor atau mencipta keadaan bahawa anda berdagang berdasarkan kepada maklumat orang dalam atau mempunyai jangkaan bahawa nilai sekuriti Amkor akan menurun. Perdagangan orang dalaman Amkor tidak melarang pelaksanaan pilihan untuk membeli sekuriti Amkor yang diberi di bawah pelan insentif Amkor mengikut terma mereka. Mana-mana individu yang telah ditamatkan perkhidmatannya yang memiliki maklumat penting dan bukan umum semasa perkhidmatannya sebagai pekerja, pegawai atau pengarah, tidak boleh berdagang dalam sekuriti Amkor sehinggalah maklumat tersebut dimaklumkan kepada orang ramai dan tidak lagi penting.

## Pindaan

Tataamalan Perniagaan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Amkor. Versi terkini Tataamalan Perniagaan Amkor Technology akan disiarkan dan dikekalkan pada laman web Amkor di <http://www.amkor.com/>.

---

Amkor komited kepada Program  
‘Tanggungjawab Sosial Korporat’  
yang sejajar dengan nilai teras dan  
menyumbang kepada kejayaan sebagai  
warga korporat yang bertanggungjawab

---

## BORANG PENSIJILAN

Saya mengakui bahawa saya telah menerima Tataamalan Amalan Perniagaan Amkor ("Tataamalan") dan akan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Saya juga memahami bahawa saya mempunyai tanggungjawab untuk menyemak dan mematuhi dasar dan prosedur Amkor yang berkaitan dengan tanggungjawab kerja saya. Saya memahami bahawa pelanggaran dasar dan standard etika yang digariskan dalam Tataamalan ini membuatkan saya mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan, serta hukuman sivil dan jenayah. Dengan menandatangani Borang Pensijilan ini, ia tidak, atau bertujuan untuk menyerahkan sebarang hak atau manfaat pekerjaan, atau memberi jaminan pekerjaan berterusan atau pekerjaan selain daripada pekerjaan yang dipilih.

---

TANDATANGAN

---

TARIKH

---

NAMA DICETAK



Enabling  
the  
Future



# LAMPIRAN A – HUBUNGI TALIAN INTEGRITI AMKOR

## Melalui Laman Web

Hantar laporan melalui platform digital dengan melayari <http://amkor.com/integrityline> atau imbas kod QR untuk akses mudah alih.



Di Amkor, kami tidak akan bertindak balas terhadap sesiapa yang melaporkan adanya kemungkinan pelanggaran atau pelanggaran Tataamalan dengan tujuan yang baik. Sekiranya anda percaya ada pihak yang bertindak balas setelah anda melaporkan kemungkinan pelanggaran atau pelanggaran Tataamalan, sila hubungi Jabatan Undang-Undang atau Talian Integriti Perniagaan.

## Melalui Telefon

Talian Integriti Amkor dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas, 24 jam sehari, 7 hari seminggu dari mana-mana lokasi di serata dunia. Hampir semua bahasa disokong oleh perkhidmatan ini, termasuk Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Korea, Tagalog, Jepun, Portugis dan Mandarin. Jika anda menghubungi Talian Integriti Amkor, anda akan menerima arahan tentang cara untuk membuat susulan bagi laporan anda.

Semasa menghubungi Talian Integriti Amkor, anda mempunyai pilihan untuk menyerahkan nama anda atau membuat laporan tanpa nama. Jika anda mahu menggunakan cara alternatif menghubungi Talian Integriti Amkor, anda boleh memilih untuk menghubungi Jabatan Undang-undang secara terus di (480) 821-5000.

### Country Access Numbers

Country Access Numbers	
Perancis	0-805-98-04-87
Jepun	0120-982-957
Korea	00308-491-0162
Singapura	800-492-2049
Republik Besar China	400-120-3573
Filipina	1800-1-322-0206
Taiwan	00801-49-2013
Malaysia	1-800-81-1200
Portugal	800-800-128
Jerman	0800-180-3971
Amerika Syarikat	1-888-837-0896
Vietnam	120-32320 Vinaphone 122-80589 Viettel

## LAMPIRAN B – HUBUNGI JABATAN SUMBER MANUSIA, JABATAN AUDIT DALAMAN ATAU JABATAN UNDANG-UNDANG

Jika anda mempunyai soalan atau mahu membuat laporan tentang pelanggaran dasar, rekod perniagaan tidak tepat atau sebarang isu etika atau undang-undang yang anda mungkin hadapi di tempat kerja, anda digalakkan untuk berbincang dengan Pengurus anda dahulu. Seringkali, Pengurus anda akan menjadi individu terbaik untuk dirujuk, kerana beliau berkemungkinan mempunyai banyak pengetahuan tentang situasi yang anda hadapi. Jika anda berasa tidak selesa untuk berbicara dengan Pengurus anda, tidak dapat berbuat demikian atau tidak berpuas hati dengan respons yang anda terima, anda boleh hubungi mana-mana pilihan berikut:

Jabatan	Lokasi	Nama	Nombor Telefon /Alamat E-mel
Sumber Manusia	Amerika Syarikat	Donna Fagan	480-786-7551 Donna.Fagan@amkor.com
	Perancis/Jerman	Sharon Gruber	+49-89-1241-49843 Sharon.Gruber@amkor.com
	Jepun	Masahiro Kimura	0949-33-1692 Masahiro.Kimura@amkor.com
	Korea	JinHan Cha	032-728-4170 JinHan.Cha@amkor.co.kr
	Singapura	Joanna Tan	6211-3391 Joanna.Tan@amkor.com
	Vietnam	Nguyen Thi Yen	0934-138-699 Yen.Nguyenthi@amkor.com
	Republik Besar China	Chancy Chen	021-5064-4590 x8196 Chancy.Chen@amkor.com
	Filipina	Aireen Sulit	02-8850-7000 x7567 Aireen.Sulit@amkor.com
	Taiwan	Joanne Huang	03-411-6000 x11210 Joanne.Huang@amkor.com
	Malaysia	Azrul Azhan Razali	03-3122-6001 x505 Azrulazhan.Razali@amkor.com
	Portugal	Fernando Alves	252-246-257 Fernando.Alves@amkor.com
Audit Dalaman	Amerika Syarikat	Mike Roy	480-786-7577 Mike.Roy@amkor.com
Undang-undang	Amerika Syarikat	Mark Rogers	480-786-7601 Mark.Rogers@amkor.com
		Anne Takher	480-786-7397 Anne.Takher@amkor.com

# AMKOR TECHNOLOGY DENGAN NOMBOR




DITUBUHKAN PADA  
**1968**



**30,000+**  
PEKERJA



**12,000,000**  
KAKI PERSEGI KELUASAN  
KAWASAN PERKILANGAN



**3** SERVIS  
"TURNKEY"  
UTAMA



DESIGN



PACKAGING



TEST



**\$6.7B**  
JUALAN  
BERSIH\*



BERTAPAK DI **11** NEGARA



PUSAT JUALAN DAN  
PERKHIDMATAN PELANGGAN



FASILITI PEMBUATAN  
DAN UJIAN

\*2025 RESULTS



© 2026 Amkor Technology, Inc. All Rights Reserved.  
BR207T-MY Rev. Date: 01/26

# Enabling the Future

---

[amkor.com](http://amkor.com)

